

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	28 MARCH 2017

'PPA1M tambah harta penjawat awam'

BH - 28/3/2017

→ Projek bukti kebajikan kakitangan kerajaan dijaga: Najib

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Pembinaan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) bukan sahaja inisiatif diambil kerajaan demi kesejahteraan kakitangan awam tetapi turut menjadi usaha menambah harta mereka, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, sebagai tunjang kepada jentera pentadbiran kerajaan, penjawat awam

adalah kumpulan sasar yang amat penting dan kebajikan mereka perlu sentiasa diutamakan.

"Sebagai satu kumpulan dalam masyarakat yang begitu banyak peranan dan sumbangan kepada pembangunan negara, wajar untuk penjawat awam duduk di kediaman yang selesa lagi aman.

"Langkah kerajaan menyediakan PPA1M bukan semata-mata menyediakan kediaman yang menuntut penjawat awam demi kesejahteraan keluarga, tetapi satu usaha menambah harta mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Kunci Pembangunan PPA1M Larai Presint 6 di sini, semalam, yang mana 1,680 penjawat awam menerima kunci bagi menduduki perumahan berkenaan.

Keutamaan Pusat

Selain itu, Najib turut menekankan bahawa agenda perumahan negara adalah satu daripada perkara yang menjadi kepentingan dalam susunan keutamaan kerajaan.

"Malah, bagi rumah PPA1M Larai ini penjawat awam diberi subsidi

bagi setiap rumah dibeli antara RM25,000 hingga RM38,000 seunit bergantung kepada keluasan.

"Bagi projek perumahan awam kita sasarkan pembinaan lebih kurang 126,000 unit kediaman dan setakat ini 3,500 unit siap diduduki, manakala bakinya sedang giat diusahakan dan disasarkan siap sepenuhnya menjelang 2020," katanya.

Beliau juga berharap penyediaan rumah seumpamanya mampu menjadi petunjuk positif ke arah pengisian agenda perumahan negara.